

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID
Tajuk : HARI `Q MKN
Lokasi : MKN, JPM
Tarikh : 04-12-1993

Memandangkan kerajaan dan pembangunan yang kian memuncak pada masa sekarang, setiap penjawat awam perlulah memberi penekanan terhadap pemikiran strategik yang melibatkan perubahan utama dari segi strategi, halacara dan operasi sesuatu jabatan. Setiap keputusan yang ditetapkan hendaklah berupaya menghasilkan kesan dan perubahan yang strategik. Oleh itu, kajian hendaklah dilakukan bagi mengetahui sejauh mana sesuatu perubahan itu berlaku dan bagaimana sesuatu tanggungjawab dapat ditangani dengan lebih berkesan. Melalui tumpuan utama terhadap pengurusan strategik, maka ini menjamin wujudnya strategi yang jelas, inovasi dan kecemerlangan dalam sesuatu organisasi.

Pendahuluan ----- Syukur kita ke hadrat allah subhanahuwataalla kerana dengan izinya dapat kita semua hadir di majlis Hari Q MKN.

Dalam hal ini sukalah saya ucapkan tahniah kepada semua pegawai-pegawai mkn, sama ada dari kumpulan pengurusan atau kumpulan sokongan, kerana telah sama-sama berusaha mengadakan Majlis Hari Q pada hari ini.

Semangat Hari Q ----- Dengan mengadakan Hari Q, yang melibatkan ramai, jika tidakpun semua, anggota dalam sesebuah jabatan, maka dengan sendirinya penglibatan anggota itu dapat menimbulkan kesedaran diri akan keperluan meningkatkan kualiti kerjanya, yang mana secara terus mengakibatkan peningkatan kualiti prestasi kerja bahagian atau unitnya. Seterusnya penglibatannya ini menampakkan kesan sumbangan diri dan unitnya kepada jabatannya pula.

Dalam pada itu pameran carta, gambar-gambar dan keterangan proses kerja dan aktiviti bahagian-bahagian di Hari Q turut mendedahkan jenis aktiviti, proses kerja dan sumbangan setiap bahagian kepada jabatan kepada anggota-anggota dari bahagian- bahagian yang lain. Ini sudah tentu membantu memupuk kefahaman dan kerjasama diantara bahagian-bahagian dalam sesuatu organisasi atau jabatan serta turut menyumbang kearah pemupukan semangat berpasukan atau esprit de corp.

Selain dari mendapat peningkatan semangat kerjasama dan kebanggaan sumbangan diri itu, saya berharap semangat Hari Q ini dikekalkan dan diamalkan supaya setiap hari bekerja, malah dalam semua jenis aktiviti kehidupan kita, kita amalkan ciri-ciri kualiti peribadi (seperti rajin bekerja, ikhlas, amanah dan bertimbangrasa). Ini bukan sahaja akan meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja kita tetapi juga kehidupan kita akan bertambah baik. Inilah budaya kualiti kerja dan kehidupan yang perlu diamalkan sepanjang masa.

Ciri-ciri Am Jabatan Berkualiti ----- Secara am sesebuah jabatan boleh dipanggil jabatan berkualiti sekiranya terdapat lima ciri-ciri berikut:- (i) Jabatan itu hendaklah sentiasa mencari jalan untuk memperbaiki perkhidmatan-perkhidmatannya bagi memenuhi keperluan-keperluan dan memuaskan hati pelanggan-pelanggannya; (ii) Jabatan itu mempunyai norma-norma kualiti atau standards bagi hasil kerja atau perkhidmatannya dari segi reliabiliti, cepat, tepat dan tiada kecacatan; (iii) Jabatan itu mengamalkan prinsip pengurusan penurunan tanggungjawab dan kuasa pelaksanaan kepada yang harus; (iv) Proses kerja di jabatan itu adalah menerusi semangat dan hasil daripada berpasukan; dan (v) Kepatuhan kepada peraturan-peraturan tidak menyekat semangat kesediaan mengubah peraturan-peraturan kerja jabatan bagi meningkatkan kualiti hasil dan perkhidmatannya.

Pengurusan Keselamatan Negara Yang Berkualiti ----- Ciri-ciri jabatan berkualiti yang disebutkan tadi merupakan ciri-ciri am yang harus diamalkan oleh semua jabatan. Namun demikian bagi jabatan-jabatan yang mengendalikan perkara-perkara yang melibatkan keselamatan negara, seperti mkn, ciri-ciri am itu dan ciri-ciri kualiti berikut, pada pandangan saya, haruslah dipraktikkan:- (i) Ketepatan fakta (accuracy of facts): ----- Ciri kualiti ini amat penting kerana laporan- laporan keselamatan yang mengandungi fakta yang kurang tepat boleh mengakibatkan keputusan tindakbalas pucuk pimpinan yang boleh umpamanya, menjejaskan

perhubungan baik kita dengan negara yang terbabit; (ii) Kecepatan (speed) dan Ketepatan masa (Timeliness): ----- Ciri-ciri kualiti ini sama penting dengan ciri kualiti ketepatan fakta. Ini ialah kerana laporan- laporan yang mengandungi fakta yang betul tetapi lambat disampaikan kepada pihak yang harus membuat keputusan boleh memudaratkan keselamatan negara. Umpamanya, kelambatan menyampaikan laporan risikan mengenai rancangan musuh untuk mendarat di sebuah pulau negara, boleh mengakibatkan kejatuhan pulau berkenaan ke tangan musuh sebelum sempat pasukan pertahanan kita diperkukuhkan di pulau itu; (iii) Kewujudan Sistem Komunikasi Yang Berkesan: ----- Kebolehan sebuah agensi keselamatan bertindak dengan cepat banyak bergantung kepada sistem komunikasinya dengan sumber-sumber risikan/ maklumatnya dan dengan pihak yang membuat keputusan. Dengan sebab itu agensi-agensi keselamatan, terutamanya yang bersifat operational, seperti angkatan tentera dan polis, mempunyai bilik-bilik operasinya dibuka 24 jam sehari bersama pegawai-pegawai bertugas mengikut giliran. Dalam pada itu penggunaan alat-alat perhubungan moden seperti mesin fax dan mobile phone dapat membantu mempermudah dan mempercepatkan proses ini.

(iv) Kejujuran (Truthfulness) dan Objektiviti: ----- Agensi-agensi keselamatan kadangkala memperolehi atau mendapat maklumat-makluma yang sensitif mengenai sesuatu perkara atau seseorang tokoh atau analisis yang menunjukkan sesuatu ramalan yang negatif terhadap kerajaan.

Mungkin ada agensi kerajaan, apabila berhadapan dengan maklumat atau penemuan-penemuan (findings) sedemikian, sama ada tidak menyampaikan atau pun memaniskan atau waterdown laporan-laporannya kepada pihak atasan kerana takut dipersoalkan kesetiaan mereka.

Ini tidak harus diamalkan. Adalah menjadi kewajipan agensi-agensi keselamatan kerajaan menyampaikan maklumat-maklumat yang betul/benar, sama ada baik atau buruk, kepada pihak atasan secara jujur dan objektif, tanpa berselindung atau takut. Kegagalan berbuat demikian boleh mengakibatkan kesan negatif kepada kerajaan apabilaperkara sensitif itu terdedah kemudiannya.

(v) Kesetiaan kepada Kerajaan: ----- Agensi-agensi keselamatan kerajaan, terutamanya yang diperuntukkan kuasa-kuasa perundangan dan yang mempunyai keanggotaan yang ramai, terlatih serta bersenjata, memegang kuasa yang boleh menentukan corak atau keadaan kestabilan di dalam sesebuah negara. Dalam keadaan pemerintahan demokratik, pelaksanaan kuasa- kuasa mereka dalam menegak keamanan dan keselamatan negara, merupakan peranan sokongan yang kuat ke arah pengendalian sistem pemerintahan sedemikian. Kesetiaan agensi-agensi keselamatan negara terhadap pemerintahan yang demokratik merupakan tunjang kepada kestabilan negara.

(vi) Pemikiran Strategik Punca Kemenangan: ----- Dalam keadaan pergolakan politik dan ekonomi dunia sekarang, tiada negara yang tiada menghadapi cabaran-cabaran dan ancaman- ancaman terhadap kepentingan-kepentingannya.

Rantau kita kini sedang mengalami perkembanga ekonomi yang paling pesat di dunia. Sudah tentulah pelbagai bentuk geraktindak dijalankan oleh negara-negara di rantau ini di dalam perlumbaan mengaut kekayaan dan mendapatkan kedudukan yang lebih unggul dalam arena ekonomi dan politik serantau. Saingan di kalangan negara-negara serantau ini disertai oleh kuasa-kuasa luar yang turut berusaha menambah keuntungan dan meningkat pengaruh mereka di kawasan ini. Keadaan ini menimbulkan pelbagai cabaran dan ancaman terhadap kepentingan negara kita. Cabaran-cabaran dan ancaman-ancaman itu perlulah ditangani secara bijak dan komprehensif.

Ini hanya dapat dicapai sekiranya kita mempunyai pemikiran dan perancangan tindakan yang strategik.

Pemikiran dan perancangan tindakan strategik melibatkan dua fasa tindakan, iaitu fasa penggubalan strategi dan fasa pelaksanaan strategi. Penggubalan strategi memerlukan empat langkah iaitu: (i) Penentuan misi organisasi; (ii) Penilaian organisasi dan persekitarannya; (iii) Penetapan objektif-objektif atau haluan organisasi; dan (iv) Penentuan kaedah-kaedah perlaksanaan bagi mencapai objektif-objektif itu (strategic planning).

Semua langkah-langkah yang saya sebutkan itu penting tetapi saya suka menghuraikan sedikit mengenai langkah kedua, iaitu penilaian persekitaran. Persekitaran mengandungi lima dimensi iaitu dimensi-dimensi sosial, politik, ekonomi, keselamatan dan teknologi. Oleh kerana kesemua dimensi persekitaran ini tidak beku, sebaliknya sentiasa berubah-ubah maka adalah penting bagi kita untuk membuat penilaian kesemua elemen persekitaran itu secara berterusan. Ini akan membolehkan kita mengetahui perkembangan-perkembangan yang terkini, menyesuaikan strategi serta mengambil langkah-langkah preemptive selari dengan kepentingan-kepentingan negara.

Fasa kedua dalam pengurusan strategik ialah kaedah pelaksanaan yang mengandungi tiga langkah strategik iaitu: (i) strategi menggerakkan tindakan mengikut perancangan; (ii) strategi kajian semula rancangan-rancangan dan prestasi pelaksanaan serta membandingkannya dengan matlamat yang ditetapkan; dan (iii) strategi pengawalan iaitu proses menukar pelan strategik sekiranya keadaan persekitaran berubah atau terdapat maklumat baru, dan/atau mengambil tindakan membetulkan aktiviti-aktiviti supaya menepati perancangan asal.

Pemikiran perancangan dan pelaksanaan strategik yang canggih tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya tanpa wujudnya sifat diri yang unggul iaitu sifat bekerja dengan penuh iltizam atau komitmen oleh semua anggota di dalam organisasi berkenaan. Sesungguhnya tiada kejayaan tanpa usaha yang gigih.

Saya berharap sifat-sifat murni ini terus dihayati oleh semua kumpulan pegawai MKN, supaya memberi makna dan isi kepada falsafah Q MKN iaitu "pemikiran strategik punca kemenangan".